

## **PENDIDIKAN LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT DI ERA DIGITAL: AGENDA LITERASI MAKLUMAT NEGARA (NILA) MALAYSIA**

Shamila Mohamed Shuhidan (Ph.D.)<sup>1</sup>, Yazid Ibrahim<sup>2</sup> dan  
Nor Edzan Che Nasir (Ph.D.)<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kampus Puncak Perdana,  
No. 1, Jalan Pulau Angsa AU10/A,  
Section U10, 40150 Shah Alam, Selangor  
e-mel: shamila@uitm.edu.my

<sup>2</sup>Bahagian Gerakan Literasi Maklumat,  
Perpustakaan Negara Malaysia,  
232, Jln Tun Razak, Titiwangsa,  
50572 Kuala Lumpur  
e-mel: yazid@pnm.gov.my

<sup>3</sup>Persatuan Pustakawan Malaysia  
d/a Perpustakaan Negara Malaysia,  
232, Jln Tun Razak, Titiwangsa,  
50572 Kuala Lumpur  
e-mel: edzannasir@gmail.com

**Abstrak** : Transformasi pendidikan dan perubahan faktor persekitaran seperti pandemik COVID-19 memerlukan murid lebih berdikari dan terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Kajian mendapati bahawa antara kemahiran yang diperlukan adalah kemahiran literasi maklumat bagi menyokong pembelajaran dan pengajaran pada abad ke 21 sama ada di sekolah atau mana-mana institusi pendidikan. Namun di era digital, komponen literasi media dan digital perlu ditambah untuk pembelajaran secara sendiri kerana murid masih lagi kurang mahir dalam keupayaan untuk mengguna teknologi dan media untuk mencari, menilai serta mencipta maklumat. Kesemua ini memerlukan kemahiran kognitif, teknikal dan bertanggungjawab dalam menyampaikan maklumat yang tepat. Kajian juga mendapati bahawa perkembangan teknologi dan media mewujudkan banyak maklumat yang menyukarkan murid untuk mengenal pasti maklumat tepat dan palsu secara tidak langsung mengurangkan minat dan motivasi mereka untuk belajar. Justeru, inisiatif oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan agensi-agensi kerajaan yang lain serta para pendidik, profesional maklumat dan pustakawan mengambil peranan untuk menzahirkan Agenda Literasi Maklumat Negara atau NILA di Malaysia. Diharapkan melalui NILA, kita dapat mengukuhkan lagi pendidikan di Malaysia serta mewujudkan pusat pembelajaran sepanjang hayat dan melahirkan masyarakat celik maklumat. Ini juga sejajar dengan aspirasi Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan *Sustainable Development Goals* (SDGs) oleh United Nations iaitu mencapai pendidikan yang berkualiti pada 2030.

**Kata Kunci**: Literasi maklumat; Literasi media dan maklumat; Pembelajaran sepanjang hayat; Agenda Literasi Maklumat Negara; NILA

### **PENGENALAN**

Literasi maklumat telah diperkenalkan pada tahun 1974 oleh Paul Zurkowsi yang juga mencipta frasa celik maklumat iaitu individu yang "terlatih dalam aplikasi sumber maklumat untuk pekerjaan mereka, yang telah mempelajari teknik dan kemahiran untuk menggunakan pelbagai alat maklumat serta sumber utama maklumat bagi menyelesaikan masalah mereka". Banyak sektor profesional, termasuk kesihatan, kejuruteraan dan undang-undang, serta dalam pendidikan dan perpustakaan telah menunjukkan minat yang besar dalam literasi maklumat. Literasi maklumat merupakan satu kemahiran asas pada setiap individu dalam kehidupan seharian untuk mengurangkan ketidakpastian, membuat keputusan, penyelidikan yang berkesan, komunikasi dan terutamanya untuk tujuan pembelajaran. Namun, disebabkan oleh kemajuan teknologi menjadikan ledakan maklumat semakin meningkat. Perkara ini perlu dibendung dan kesedaran kepentingan literasi maklumat di peringkat sekolah lagi perlu diterapkan. Semua pelajar mesti dilengkapi dengan literasi maklumat kerana ia menggalakkan teknik penyelesaian masalah dengan memerlukan mereka celik maklumat sepenuhnya dan mampu menggunakan pengetahuan mereka dalam kehidupan seharian. Pelajar harus mempunyai kemahiran maklumat untuk berfikir,

kreatif, inovasi, kritis dan penaakulan, serta bertanggungjawab dalam berkomunikasi maklumat untuk memenuhi keperluan kerja masa hadapan.

### **SOROTON LITERATUR**

Literasi maklumat menjadi kemahiran asas setiap individu pada era digital. Menurut Chartered Institute of Library and Information Professionals (CILIP), “literasi maklumat ialah keupayaan untuk berfikir secara kritis dan membuat pertimbangan yang seimbang tentang sebarang maklumat yang ditemui dan digunakan” dan seterusnya memperkasakan masyarakat untuk menjadi pelajar sepanjang hayat. Manakala, Majlis Perguruan Kebangsaan Bahasa Inggeris (2019) mendakwa bahawa pembelajaran pada abad ke 21 menuntut pelajar menjadi seorang celik huruf yang memiliki pelbagai kebolehan dan kecekapan yang merangkumi banyak literasi. International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) melalui *School Libraries Guidelines* (2015) mencadangkan program literasi yang akan menggalakkan pembacaan dan keseronokan media yang secara tidak langsung membangunkan aspek kognitif dalam kalangan pelajar. Oleh itu, perpustakaan perlu melengkapkan pelajar dengan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat untuk membolehkan mereka hidup sebagai warga yang bertanggungjawab. Program pembangunan kurikulum dan pendidikan di peringkat kebangsaan, perpustakaan harus dianggap sebagai alat penting untuk memenuhi matlamat ini melalui perkara berikut:

1. Literasi maklumat untuk semua, dibangunkan secara beransur-ansur dan diterima pakai oleh sistem pendidikan.
2. Ketersediaan sumber maklumat untuk pelajar di semua peringkat pendidikan.
3. Penyebaran maklumat dan pengetahuan terbuka untuk semua kumpulan pelajar untuk menjaga kerharmonian, perpaduan dan kesejahteraan negara.

Literasi maklumat tidak terhad kepada pelajar sahaja, sama ada di peringkat rendah, menengah atau pendidikan tinggi, tetapi juga kepada kakitangan, individu, dan komuniti. Pendidik dan pustakawan bertanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan pelajar tentang literasi maklumat dengan menunjukkan bagaimana ia berkaitan dengan tugas dan objektif kursus tertentu (Guo, Goh, Luyt, Sin & Ang, 2015; Stewart-Mailhiot, 2014). Kerjasama antara pendidik dan pustakawan adalah penting untuk menjayakan program literasi maklumat. Walau bagaimanapun, pendidikan literasi maklumat terus menjadi cabaran bagi pustakawan dan pendidik berikutan peningkatan penggunaan media sosial dan isu berita palsu.

Kajian mendapati bahawa pelajar mempunyai kecenderungan menggunakan alat media dan teknologi tetapi masih kurang mahir di dalam literasi maklumat pada era digital ini. Disebabkan itu UNESCO, telah menyokong pembangunan *Media and Information Literacy* (MIL) untuk semua masyarakat bagi memperkasakan mereka untuk berfikir secara kritis dalam mengurus maklumat dengan menggunakan alat media dan teknologi. Untuk membolehkan individu, komuniti dan negara terlibat dan membuat sumbangan kepada masyarakat berpengetahuan global, UNESCO telah menggabungkan literasi maklumat, literasi media, ICT dan literasi digital ke dalam binaan literasi baharu. Menurut UNESCO Institute, (2021), literasi media dan maklumat boleh ditakrifkan sebagai “satu set gabungan pengetahuan, kemahiran, sikap, kecekapan dan amalan yang membolehkan akses, menganalisis, menilai secara kritis, mentafsir, menggunakan, mencipta dan menyebarkan maklumat dengan berkesan dan penggunaan media secara kreatif dan beretika”. UNESCO telah melancarkan undang-undang literasi media dan maklumat dengan matlamat untuk menggabungkan bidang literasi maklumat dan literasi media yang diperlukan untuk hidup dan bekerja pada abad ke-21.

MIL telah diterima di seluruh dunia, tetapi masih tidak jelas mengenai pelaksanaan, dasar, standard, rangka kerja untuk negara tertentu termasuk Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) secara meluas mempromosi program literasi maklumat dan pada masa ini terdapat tiga tahap modul yang ditawarkan kepada orang ramai iaitu modul Asas, Pertengahan dan Lanjutan. Baru-baru ini, berikutan transformasi digital, PNM bekerjasama dengan pakar dari bidang sains maklumat dan perpustakaan untuk membangunkan Agenda Literasi Maklumat Negara atau *National Information Literacy Agenda* (NILA) di Malaysia dengan mengambilkira cabaran-cabaran yang ada terutama di dalam bidang pendidikan.

### **CABARAN LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT DALAM PENDIDIKAN**

Di Malaysia, pelaksanaan pendidikan literasi maklumat atau literasi media dan maklumat di sekolah awam biasanya diterajui oleh guru perpustakaan dan media (GPM). Di institusi pengajian tinggi pula ianya dikendalikan oleh pustakawan daripada perpustakaan institusi berkenaan. PNM dan Perpustakaan Awam Negeri (PAN) pula lebih tertumpu kepada pendidikan literasi media dan maklumat kepada masyarakat umum. Bagi Pusat Sumber Sekolah (PSS), ia dikendalikan oleh guru pustakawan sepenuh masa yang dikenali sebagai Guru Perpustakaan dan Media. Tugas seorang GPM termasuklah urusan pentadbiran, organisasi sumber maklumat dan bimbingan membaca dan literasi maklumat (Malaysia Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Selangor SETD, 2007). Justeru itu, GPM diharap dapat membantu guru dan pelajar untuk memperoleh kemahiran literasi maklumat dan untuk memastikan pelaksanaan pendidikan literasi maklumat di sekolah

Dalam menjalankan tugas untuk memastikan program-program literasi media dan maklumat dapat digerakkan dengan lancar, pengamal literasi media dan maklumat terpaksa menghadapi serta mengatasi pelbagai cabaran.

1. Pendidikan literasi media dan maklumat

Latihan dan pendidikan literasi maklumat untuk GPM perlu dirancang dengan serius dan dilaksanakan secara sistematik. GPM perlu diberi pendedahan dan latihan yang mencukupi dalam bidang literasi media dan maklumat agar dapat melahirkan pelajar yang berkemahiran literasi media dan maklumat apabila memasuki institusi pengajian tinggi. Menurut Tan dan Diljit (2008), 60% daripada GPM yang mengambil bahagian dalam kajian mereka menyatakan mereka tidak didedahkan atau dilatih dalam literasi maklumat. Dapatan ini sama dengan laporan Kementerian Pendidikan (2006), yang menunjukkan kira-kira 70% guru tidak terlatih dalam literasi maklumat. Penemuan oleh Tan (2014) mengenai kesediaan pustakawan sekolah untuk melaksanakan literasi maklumat di sekolah, dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan literasi maklumat di sekolah Malaysia, menunjukkan kelayakan profesional pustakawan sekolah memberi kesan kepada kesediaan kognitif, fungsian dan teknikal mereka, manakala pengalaman mereka sebagai pustakawan sekolah mempunyai kesan yang signifikan terhadap kesediaan teknikal sahaja. PNM juga turut mengadakan program *training of trainers* (ToT) kepada GPM sebagai salah satu usaha membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melatih GPM memantapkan penguasaan mereka dalam bidang literasi media dan maklumat. Selain daripada itu, PNM juga turut mengadakan program ToT khusus untuk perpustakaan gunasama, perpustakaan desa, masyarakat umum dan profesional. Sehingga tahun 2021, sebanyak 420 program literasi media dan maklumat telah dilaksanakan dengan penyertaan sebanyak 50,985 orang peserta.

2. Kerangka dan panduan literasi media dan maklumat yang standard

Di Malaysia, tiada satu standard untuk kerangka kerja dan garis panduan literasi media dan maklumat. Oleh itu terdapat kekurangan komponen penting untuk pelaksanaan pendidikan literasi media dan maklumat seperti kandungan, struktur, dan peruntukan masa yang diperlukan. Tan dan Singh (2008) mendapati 61.9% daripada GPM tidak mengajar literasi maklumat di PSS kerana kekurangan rangka kerja dan sumber kurikulum, kekurangan peruntukan masa dalam jadual waktu mereka, dan ketidakpastian tentang sama ada literasi maklumat harus diajar sebagai mata pelajaran yang berasingan atau disepadukan ke dalam mata pelajaran yang mereka diajar. PNM pula hanya menyediakan garis panduan modul literasi media dan maklumat yang terdiri daripada tiga tahap iaitu tahap asas, tahap pertengahan dan tahap lanjutan. Sehubungan dengan itu, satu kerangka literasi media dan maklumat perlu diwujudkan di Malaysia. Menurut Edzan dan Mohd Sharif (2005), standard literasi maklumat di Malaysia masih belum diwujudkan dan standard literasi maklumat ini diperlukan sebagai pengukur tahap kompetensi literasi maklumat setiap individu. Pendidikan literasi maklumat di Malaysia hanyalah panduan umum tanpa perincian yang jelas mengikut tahap-tahap literasi maklumat yang sebenar. Justeru itu, standard literasi maklumat mesti diwujudkan untuk menyelaras program-program literasi maklumat di Malaysia (Yushiana, 2003; Mohd Sharif, Nor Edzan and Zainab, 2005). PNM telah mengambil tanggungjawab ini dengan memastikan Agenda Literasi Maklumat Negara yang dimulakan pada tahun 2005 diteruskan. Sebagai permulaan, PNM telah mengadakan Bengkel Agenda Literasi Maklumat Negara (NILA) untuk merangka takrifan literasi maklumat dan individu celik maklumat dari 8 hingga 9 September 2021. Peserta terdiri daripada pengiat dan penyelidik utama literasi media dan maklumat seperti dari Kementerian Pendidikan Malaysia, perpustakaan akademik, perpustakaan awam negeri, pihak Universiti dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan.

3. Sokongan daripada pengurusan atasan organisasi

Pembentukan masyarakat yang mempunyai kemahiran literasi media dan maklumat merupakan satu peranan penting yang dimainkan oleh perpustakaan, pustakawan dan GPM. Keadaan ini akan menjadi kenyataan sekiranya mereka yang bertanggungjawab dapat menggabungkan falsafah pendidikan dengan prinsip literasi media dan maklumat. Menurut Saidatul Akmar Ismail (2014) faktor organisasi merangkumi tiga perspektif iaitu pertama, pembiayaan yang tidak mencukupi untuk kemudahan, peralatan dan penyelenggaraan, saiz kelas yang besar, dan peluang latihan yang terhad kepada GPM. Pusat Sumber Pendidikan Negari (PSPN), PSS, GPM dan pentadbir sekolah wajib bekerjasama agar pengajaran literasi media dan maklumat disekolah lebih mantap dalam memupuk pembelajaran sepanjang hayat.

4. Program Literasi Media dan Maklumat

Program-program literasi media dan maklumat diperingkat sekolah, IPT, agensi kerajaan dan swasta serta komuniti perlu dipergiatkan lagi. Pendidikan literasi media dan maklumat seharusnya dijalankan secara berterusan bermula daripada sekolah rendah hinggalah kepada komuniti awam agar kemahiran literasi media dan maklumat sentiasa dipertingkatkan dan tidak dilupakan apabila mereka sudah menamatkan zaman belajar.

Yaacob dan Samsuri (2003) mendapati masalah utama yang dihadapi oleh murid-murid di Malaysia ialah penguasaan literasi maklumat yang rendah kerana:

- i. kurangnya program kemahiran maklumat dan pendidikan perpustakaan di sekolah;
- ii. bahan bacaan yang berkaitan tidak memuaskan (bahan bacaan yang lapuk);
- iii. tidak mengikut kehendak sukatan dan kurikulum;
- iv. guru perpustakaan kurang memberi tumpuan untuk mempromosi pusat sumber dan menjalankan program kemahiran maklumat kerana sibuk dengan urusan pentadbiran; pengajaran dalam bilik darjah lebih tertumpu kepada teks tanpa melibatkan pencarian maklumat lain; dan
- v. Malaysia belum mempunyai piawaian literasi maklumat.

Arahan pelaksanaan program literasi maklumat di semua sekolah Malaysia melalui pekeliling KP(BTP-PSP)8810/11/1(03) pada 2004 telah dilaksanakan. GPM perlu mengajar literasi maklumat di PSS masing-masing. Namun begitu, kajian oleh Nor Hashimah (2007) mendapati pelajar masih tidak mempunyai kemahiran literasi maklumat yang baik. PNM juga tidak ketinggalan melaksanakan program literasi media dan maklumat untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan status pendidikan. Sepanjang 2010 hingga 2021, PNM telah menjalankan 35,219 program literasi media dan maklumat (Jadual 1).

Cabaran-cabaran yang dibentangkan perlu diatasi untuk memastikan kejayaan program-program literasi maklumat dan literasi media dan maklumat.

Jadual 1: Jumlah program literasi media dan maklumat PNM mengikut kategori peserta dari 2010- 2021

Kategori Peserta	Jumlah Program
Kanak-kanak	1,752
Remaja	11,775
Penuntut IPT	4,386
Pendidik	4,389
Kakitangan kerajaan	3,384
Kakitangan perpustakaan	3,082
Kakitangan swasta	27
Komuniti awam	6,024
Badan Bukan Kerajaan	79
Golongan Berkeperluan Khas	321
<b>JUMLAH</b>	<b>35,219</b>

#### **CADANGAN DAN NILA**


Literasi media dan maklumat telah diterima dan diguna pakai secara global tetapi di peringkat sesetengah negara, pelaksanaan, dasar, piawaian dan rangka kerja mengenainya masih kurang jelas. Di Malaysia, walau pun terdapat kursus dan kelas literasi media dan maklumat di semua jenis perpustakaan, perkembangannya tidak sama rata. Di peringkat nasional, PNM mempromosi agenda literasi maklumat melalui Program Literasi Media dan Maklumat. Dalam program ini, tiga tahap ditawarkan kepada orang ramai iaitu tahap Asas, Pertengahan dan Lanjutan. Setiap peringkat merangkumi enam hingga tujuh modul yang berkaitan dengan literasi media dan maklumat. PNM juga telah melancarkan portal e-LMM (<http://elmm.pnm.gov.my/>). Pada masa yang sama dalam usaha untuk melalui proses transformasi digital, PNM bekerjasama dengan pakar dari bidang perpustakaan dan sains maklumat untuk menerima pakai dan menyesuaikan Agenda Literasi Maklumat Negara di Malaysia.

#### **Agenda Literasi Maklumat Negara / National Information Literacy Agenda (NILA)**

NILA adalah akronim bagi *National Information Literacy Agenda* atau Agenda Literasi Maklumat Negara. Pada dasarnya, ia adalah rangka kerja yang akan menyediakan dasar, piawaian dan amalan yang boleh menyokong pendidikan literasi maklumat untuk semua sektor di Malaysia. Idea tersebut telah dicetuskan oleh Allahyarham Dr Mohd. Shariff Mohd. Saad dan Dr Nor Edzan Che Nasir untuk pembentangan kertas kerja mereka di Persidangan Peringatan PPM-LAS 2005 yang telah diadakan di Kuala Lumpur. Ia adalah hasil daripada penyelidikan kedoktoran mereka yang kemudiannya diterbitkan dalam *Malaysian Journal of Library and Information Science*.

NILA berpaksi kepada keperluan untuk merangka satu agenda kebangsaan yang boleh digunakan untuk merancang, melaksana dan menilai program literasi maklumat. Rangka kerja Agenda Literasi Maklumat Negara yang dicadangkan ini (Rajah 2) melibatkan pengumpulan semua pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan sebarang bentuk inisiatif literasi maklumat di Malaysia untuk bersatu. Bermula dari itu, semua pihak yang terlibat akan bekerjasama untuk membangunkan piawaian literasi maklumat kebangsaan dengan petunjuk prestasi dan hasil pembelajaran untuk tahap Asas, Pertengahan dan Lanjutan. Hasilnya, satu program literasi maklumat yang diseragamkan untuk sekolah dan institusi pengajian tinggi serta perpustakaan awam; sebuah Institut Literasi Maklumat; dan kursus literasi maklumat berasaskan sesawang.

Kedua-dua penulis mengharapkan PPM atau PNM atau kedua-duanya sekali akan mengambil langkah untuk menjayakan NILA, tetapi ianya tidak berlaku. Pada tahun 2006, *International Workshop on Information Literacy* dan *International Conference on Information Literacy* telah diadakan. Pada tahun 2008, Perpustakaan Universiti Malaya dan Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat telah mencadangkan dan cuba untuk menubuhkan Pusat Literasi Maklumat Universiti Malaya tetapi tidak berjaya. NILA tidak dibangkitkan lagi sehingga pada tahun 2018 dan 2019, PNM mula menunjukkan minat terhadap NILA sendiri.



Rajah 2: Cadangan rangka kerja literasi maklumat untuk Malaysia  
(Sumber: Mohd. Shariff Mohd. Saad & Edzan, 2005)

### PNM dan NILA


PNM melalui Bahagian Gerakan Literasi Maklumat telah memutuskan untuk menjadikan NILA satu kenyataan. Beberapa mesyuarat telah diadakan dengan pelbagai pihak dan individu bermula pada 9 Januari 2020. Kebanyakan aktiviti yang dirancang terpaksa di tangguh kerana Pandemik COVID-19, tetapi PNM dapat memanfaatkan situasi yang buruk ini dengan sebaiknya. Bengkel Pemantapan Modul Literasi Media Dan Maklumat telah diadakan dalam talian telah dari 8 hingga 9 September 2021 dan dihadiri 54 peserta terdiri daripada pustakawan, guru perpustakaan dan media serta ahli akademik. Mereka dibahagikan kepada tiga

kumpulan yang berbeza. Kumpulan A mempunyai 26 peserta terdiri daripada pustakawan dan ahli akademik dari institusi pengajian tinggi. Kumpulan B hanya mempunyai enam peserta dari Kementerian Pelajaran dan guru perpustakaan dan media/pustakawan sekolah dari sekolah awam dan antarabangsa. Kumpulan C mempunyai 22 peserta terdiri daripada pustakawan awam dan perpustakaan khas. Fasilitator bagi bengkel ini ialah Profesor Madya Dr Shamila Mohamed Shuhidan dari Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Dr Nor Edzan Che Nasir dari Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). Kedua-duanya membawa pengalaman dan pengetahuan tentang literasi maklumat dan NILA.

Bengkel ini berjaya mencadangkan takrifan bagi literasi maklumat dan individu celik maklumat. Ia juga berjaya menghasilkan tiga set modul dengan setiap satu untuk komuniti pendidikan, komuniti bekerja dan komuniti tidak bekerja. Walau bagaimana pun, kesemua ini masih perlu dimurnikan oleh Jawatankuasa Kepakaran Pemandu Agenda Literasi Maklumat Negara PNM atau Pasukan NILA dan dipersetujui oleh semua pihak berkepentingan.

### Status Terkini

Buat masa ini, NILA sedang mengambil bentuk seperti yang di rancang (Rajah 3). Semua pihak berkepentingan telah bertemu dan memahami apa yang diperlukan untuk membolehkan NILA bergerak ke hadapan. Pasukan NILA telah memuktamadkan takrifan bagi literasi maklumat dan individu celik maklumat dalam konteks Malaysia dan modul-modul yang diperlukan.



Rajah 3: Status terkini NILA dan perancangan seterusnya (Sumber: Shamila dan Nor Edzan, 2022)

Pasukan NILA perlu meneruskan langkah 3 dan 4. Langkah 3 melibatkan pembangunan dua komponen utama. Komponen pertama ialah piawai dengan penunjuk prestasi, hasil pembelajaran dan alat penilaian untuk pelbagai komponen dalam tiga komuniti. Komponen kedua ialah indeks literasi media dan maklumat nasional. Indeks ini akan menjadi petunjuk tahap literasi media dan maklumat rakyat Malaysia pada peringkat ujian. Langkah 4 melibatkan penubuhan Pusat Literasi Media dan Maklumat Negara atau *Malaysia Media and Information Literacy Centre (MyMILC)* di peringkat kebangsaan. Langkah 4 juga melibatkan pembangunan portal literasi media dan maklumat.

### PENUTUP

Secara keseluruhannya, NILA adalah satu usaha yang sedang dibangun. Rangka kerja yang dicadangkan oleh Mohd. Shariff Mohd. Saad dan Edzan (2005) perlu disemak dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Rangka

kerja NILA yang asal telah dibangunkan pada masa pergerakan literasi media dan maklumat masih di peringkat awal. Buat masa kini, PNM dan kebanyakan perpustakaan akademik mempunyai program literasi maklumat yang telah diuji dari semasa ke semasa dan terdapat lebih banyak penulisan mengenainya yang diterbitkan berdasarkan kajian yang telah dijalankan. Literasi maklumat atau literasi media dan maklumat perlu menjadi satu agenda nasional bagi Malaysia. Melalui NILA, kita bukan sahaja akan menjadi sebuah negara yang rakyatnya celik maklumat tetapi yang memahami kepentingan maklumat pada setiap peringkat kehidupan mereka. Ia merupakan sebahagian daripada pendidikan untuk semua dan adalah SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dalam 2030 *United Nations Agenda for Sustainable Development* (United Nations, 2022).

## RUJUKAN

- Edzan, N.N. and Mohd Sharif, M.S. (2005) NILA: A national information literacy agenda for Malaysia. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 10(1), 91-103.
- Guo, Goh, Luyt, Sin, & Ang. (2015). The effectiveness and acceptance of an affective information literacy tutorial. *Computers & Education*, 87. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2015.07.015>.
- IFLA. School Libraries Section Standing Committee. (2015). *IFLA School Library Guidelines*. 2nd rev. ed. Hague: IFLA. Available from: <https://www.ifla.org/wp-content/uploads/2019/05/assets/school-libraries-resource-centers/publications/ifla-school-library-guidelines.pdf>
- Malaysia Selangor State Educational Technology Division. (2007). *Buku Panduan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah untuk Guru Perpustakaan dan Media / Guidebook on School Resource Centre Management for Library and Media Teacher*. Shah Alam: SETD.
- McDonald, Gus. (2018). *What is Information Literacy?* Available from: <https://www.cilip.org.uk/news/421972/What-is-information-literacy.htm#:~:text=%E2%80%9CInformation%20literacy%20is%20the%20ability,to%20engage%20full%20with%20society.%E2%80%9D>
- Mohd Sharif Mohd Saad and Edzan, N.N. (2005). Information literacy initiatives in Malaysia: A framework for implementation. In: *The Visible Librarian in the Virtual World: Papers and Proceedings of the PPM-LAS Commemorative Conference, Kuala Lumpur 6 – 8 April 2005*. Kuala Lumpur: Librarians Association of Malaysia, 2005. 77-89.
- Mohd Sharif Mohd Saad., Edzan, N.N. and Zainab, A.N. (2005). Assessing learning outcomes of information literacy programmes: Malaysian academic libraries. *International Conference on Libraries (ICOL), 14-16 March 2005*, Penang.
- National Council of Teachers of English. (2019). *Definition of Literacy in a Digital Age*. Available from: <https://ncte.org/statement/nctes-definition-literacy-digital-age>
- Nor Hashimah Hussain (2007). *Information Literacy Among Secondary School Students at Fully Residential Schools in Kuala Lumpur*. Dissertation (Master), University of Malaya, Kuala Lumpur
- Saidatul Akmar Ismail (2014). *Factors Affecting the Implementation of Information Literacy Education in Malaysian Primary Schools*. Thesis (Doctor of Philosophy) Victoria University of Wellington, Wellington.
- Shamila Mohamed Shuhidan and Nor Edzan Che Nasir. (2022). NILA: The way forward. *Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) 2022, 25-27 May 2022*.
- Stewart-Mailhiot, A.E. (2014). Same song, different verse: Developing research skills with low stakes assignments. *Communications in Information Skills*, 8(1), 32-42. <https://doi.org/10.15760/comminfolit.2014.8.1.163>
- Tan, S.M. and Singh, D. (2008). An assessment of the information literacy levels of library and media teachers in the Hulu Langat District, Malaysia. *Towards an Information Literate Society: International Conference on Libraries, Information and Society, 17-20 November 2008*, Kuala Lumpur.
- Tan, S.M. (2014). *School Librarian's Readiness for Information Literacy Implementation in Secondary School*. Thesis (Doctor of Philosophy), University of Malaya, Kuala Lumpur.
- UNESCO Institute for Information Technologies in Education. (2022). *Media and Information Literacy*. Available from: <https://iite.unesco.org/mil/>
- United Nations. Department of Economic and Social Affairs, Sustainable Development. (2022). *Do You Know All 17 SDGs?* Available from: <https://sdgs.un.org/goals>
- Yushiana Mansor. (2003). Beyond IT savvy: developing information literacy competency among students of higher learning institutions in Malaysia. *Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning (ASAIHL) International Conference 2003, 15-18 June 2003*, Sabah.